

## ELEMEN KEHIDUPAN WAJAR DALAM ISLAM

### *Elements of Decent Life in Islam*

Nur Syahidah Abdul Jalil

Pegawai Penyelidik Kanan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2 Langgak Tunku Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur. [nursyahidah@ikim.gov.my](mailto:nursyahidah@ikim.gov.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Konsep Gaji Kehidupan Wajar (The Living Wage) yang melebihi saraan minimum adalah salah satu kaedah untuk mengurang insiden kemiskinan nasional. Selain itu, ia dilihat menyumbang kepada kehidupan manusia yang lebih bermakna di samping menerima upah atau gaji yang lebih baik. Makalah ini memperihal tentang hubung kait kemiskinan dengan kehidupan wajar. Selain itu juga makalah ini melihat elemen yang terkandung dalam konsep kehidupan wajar melalui pemerhatian tentang konsep ‘gaji kehidupan wajar’ dari pelbagai negara. Makalah ini juga melihat daripada perspektif Islam tentang kehidupan wajar dari sudut sosioekonomi. Didapati bahawa antara elemen utama kepada kerangka kehidupan wajar ialah tentang hidup bermaruan, interaksi bermakna dan pembangunan keluarga. Kehidupan wajar membolehkan manusia hidup dengan bermakna dan saling memberi manfaat kepada alam sejagat.</i></p> <p><i>Kata kunci:</i> Gaji kehidupan wajar, kemiskinan, elemen kehidupan wajar, kehidupan wajar</p>	<p><i>The Living Wage concept, which exceeds the minimum subsistence is one of the ways to reduce national poverty incident. This concept promotes a meaningful life while receiving better pays. This paper examines the relationship between poverty and descent life. In addition, this paper also looks at the elements in decent life based on various nations' definition on the living wage concept. Islamic perspective from socioeconomic context has also been discussed in this article. Living with dignity, meaningful interactions and family development are among other key elements in a decent life concept. A descent life enables people to live a meaningful life and to contribute more for a better world.</i></p> <p><i>Keyword(s):</i> The living wage, poverty, elements of decent life, decent life.</p>

## PENDAHULUAN

Dalam ekonomi, kehidupan wajar sering dikaitkan dengan gaji kehidupan wajar (*the living wage*). Para pengkaji secara umumnya melihat elemen atau komponen bagi satu

kehidupan bermakna dalam konteks semasa dan menterjemahkannya dalam bentuk tingkat pendapatan seseorang individu. Walaupun ada pengkaji seperti Glasmeier (2017) berpendapat bahawa elemen dalam gaji kehidupan wajar hanya meliputi perkara-perkara asas yang minimum, ada pengkaji lain seperti Parker, Arrowsmith, Fells dan Prowse (2016) dan Waldegrave, King and Urbanová (2018) berpendapat bahawa elemen yang diambil kira perlu melebihi keperluan minimum yang paling asas bagi seseorang itu mendapatkan kehidupan yang baik berdasarkan pendapatannya.

Dalam konteks sosioekonomi, memenuhi keperluan asas individu di peringkat paling minimum dianggap sangat penting bagi kelangsungan hidupnya. Dengan menambah lagi beberapa aspek dan elemen, individu tadi kemudiannya dikatakan boleh mencapai satu tingkat hidup yang wajar, melebihi peringkat kelangsungan semata-mata. Satu faktor yang dikongsi bersama dalam dua peringkat hidup ini ialah sebenarnya tentang menghindari keadaan miskin yang menghalang individu untuk mencapai satu kehidupan yang baik kerana perlu terus dibantu.

Dunia pada hari ini dikatakan bahawa menghadapi dua cabaran utama iaitu tentang pembasmian kemiskinan dan memastikan keamanan dan kesejahteraan dapat dikekalkan (European Commision, 2013). Makalah ini walau bagaimanapun secara umum membincangkan tentang hubungan kemiskinan dengan kehidupan wajar. Hal demikian adalah kerana kemiskinan yang berlaku dalam kehidupan boleh menghalang manusia untuk mendapat kehidupan yang baik seperti memenuhi kecukupan makan dan minum, mendapat pendidikan juga tempat tinggal yang baik.

## SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini mengkaji perbincangan tentang hubungan kemiskinan dengan kehidupan wajar melalui kajian kepustakaan. Permulaan kepada perbincangan kajian adalah melihat kepada aspek kemiskinan dan bagaimana ia membentuk kehidupan manusia. Seterusnya kajian melihat kepada makna kehidupan wajar berdasarkan idea tentang ‘gaji kehidupan wajar’ atau *the living wage* yang disebut dapat membantu mengeluarkan masyarakat dari kepompong kemiskinan.

Oleh yang demikian, skop perbincangan mengenai kehidupan wajar ini sebenarnya melihat dalam konteks sosioekonomi masyarakat; yakni tentang elemen-elemen yang memandu pengwujudan gaji kehidupan wajar – tingkat pendapatan yang dikatakan membantu individu untuk mencapai kehidupan yang baik atau kehidupan wajar serta keluar daripada kepompong kemiskinan. Tambahan lagi, perbicangan makalah ini juga akan melihat perspektif Islam tentang kehidupan wajar berdasarkan skop tersebut.

## PERBINCANGAN

### Definisi Kemiskinan

Kemiskinan bukanlah satu perkara yang baharu dalam ketamadunan manusia. Kemiskinan telah wujud dalam pelbagai zaman dan masyarakatnya. Menghapuskan

kemiskinan secara total adalah satu tujuan yang murni walaupun mungkin boleh dipersoalkan realistiknya. Tetapi yang boleh dicapai ialah menghapuskan kemiskinan ekstrem atau tegar kerana insiden ini melibatkan kecukupan keperluan asasi di peringkat minimum untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Daripada 7.2 bilion (United States Census Bureau, 2018) jumlah manusia yang hidup ketika ini, didapati bahawa lebih kurang 1.3 bilion daripadanya hidup dalam pendapatan garis kemiskinan tegar (extreme income poverty) (European Commision, 2013). Di negara maju seperti Amerika Syarikat juga menghadapi masalah kemiskinan; tahun 2016 misalnya kadar kemiskinan rasmi ialah pada 12.7% atau lebih daripada 40 juta orang (Semega, Fontenot dan Kollar, 2017). Di negara yang berpendapatan rendah seperti Bangladesh, 1 daripada 4 warganya hidup dalam kemiskinan pada 2016 (The World Bank, 2017). Manakala negara berpendapatan sederhana seperti Malaysia sendiri mengalami kadar kemiskinan pada 0.4% (Unit Perancang Ekonomi, n.d). Berdasarkan fakta ini, kemiskinan itu wujud dalam pelbagai keadaan dan tempat.

Apabila menyentuh tentang kemiskinan, kita tidak dapat lari daripada membicarakan aspek definisi kemiskinan bersama-sama dengan penanda aras yang pelbagai, yang digunakan mengikut kawasan-kawasannya. Makalah ini walau bagaimanapun tidak akan membincang kayu ukur yang digunakan sebagai penanda aras bagi kemiskinan. Sebaliknya, makalah ini melihat beberapa penanda aras kemiskinan yang digunakan bagi tujuan perbandingan dan perspektif yang lebih meluas.

Jika kita melihat makna kemiskinan secara umum, menurut Townsend (1979) dan European Commission (2004) dalam Buttler (2013) individu itu dikatakan sebagai miskin apabila pendapatan dan sumber yang dipunyainya adalah sangat terhad sehingga menghalangnya untuk terlibat dalam kegiatan-kegiatan biasa yang diterima lazim masyarakat di tempatnya. Dalam kajian Buttler juga menyebut bahawa kemiskinan subjektif bergantung kepada persepsi manusia.

Apabila bergantung kepada persepsi, seseorang itu mungkin kelihatan bahagia dan nampak senang dalam kehidupannya tetapi tidak semestinya kaya. Begitu juga dengan seseorang yang nampak seperti individu kaya berdasarkan pakaian dan penampilan namun pada hakikatnya adalah seorang yang miskin hartanya.

Disebabkan kemiskinan adalah berbentuk subjektif dan relatif, kita melihat banyak polisi nasional misalnya tidak dapat meletakkan hanya satu nilai ukuran kepada kemiskinan dalam konteks memberi bantuan. Memakai hanya satu definisi umum berkenaan kemiskinan tidak dapat menyelesaikan permasalahan taraf hidup dalam sesebuah negara. Sebab itulah terdapat pelbagai peringkat definisi tentang ‘miskin’ untuk memastikan setiap individu dalam masyarakat diberi perhatian sewajarnya.

Di Malaysia misalnya, definisi miskin secara umum mengikut Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (n. d) ialah “*Sesebuah isi rumah yang pendapatan bulanan isi rumah adalah di bawah RM940 sebulan dengan pendapatan perkapita di bawah RM240 ke bawah*”. Manakala miskin tegar atau ekstrem merujuk kepada

*“Sesebuah isi rumah yang pendapatan bulanan isi rumah adalah di bawah RM580 sebulan dengan pendapatan perkapita di bawah RM140 ke bawah”.*

Kategori ini adalah dua definisi umum tentang kemiskinan dan merentasi segenap pelusuk Malaysia. Selain daripada kedua-dua kategori ini, wujud juga kategori seperti *mudah miskin* dan *kumpulan B40* yang melihat kepada perspektif perbandingan kawasan.

Sebagai contoh, kategori mudah miskin ialah *sesebuah isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi PGK atau threshold di bawah RM1,500.00 bagi kawasan bandar (KPKT, n.d)*. Manakala kumpulan B40 ialah “*Sesebuah isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM3,860.00 sebulan*” (KPKT, n.d).

Di peringkat global pula, Garis Kemiskinan Antarabangsa yang diguna pakai oleh World Bank ialah, mereka yang hidup dengan pendapatan di bawah USD 1.90 sehari adalah berada dalam kategori miskin. Apabila ditukar kepada Ringgit Malaysia, secara umumnya ialah mereka yang hidup dengan pendapatan di bawah RM231 sebulan.<sup>1</sup>

Dalam Islam, secara umumnya, penanda aras yang digunakan untuk mengukur kemiskinan ialah berpandukan had kifayah<sup>2</sup> di kawasan tersebut. Menurut Lembaga Zakat Selangor (LZS), had kifayah ialah *mengukur kecukupan perbelanjaan, dengan membandingkan pendapatan kasar dan perbelanjaan minimum sesebuah keluarga atau individu. Keputusan yang diperolehi pula lebih spesifik dan tepat dalam menentukan taraf seseorang pemohon zakat, sama ada kaya, miskin ataupun fakir (miskin tegar)*.

Sebagai contoh, LZS merujuk kemiskinan sebagai *orang yang mempunyai harta atau pendapatan halal yang hanya boleh menampung 50% untuk keperluan diri atau keperluan diri dan tanggungan tetapi tidak mencapai had kifayah*. Manakala fakir ataupun lebih mudah kita kenali sebagai miskin tegar pula bermaksud *ialah orang yang tidak mempunyai harta atau pekerjaan atau ada pekerjaan tetapi tidak halal atau ada pendapatan tetapi tidak mencapai 50 peratus daripada had kifayah, untuk keperluan diri atau keperluan diri tanggungannya*.

Perbahasan tentang kemiskinan dalam Islam menemukan bahawa, terdapat sebahagian daripada orang-orang Islam percaya bahawa kemiskinan itu adalah suatu perkara yang ‘baik’ untuk mereka serta mendekatkan diri kepada Tuhan.

Al-Qardawi (2005) bagaimanapun membahaskan bahawa Islam menentang pemikiran yang ‘mensucikan’ kemiskinan. Hal demikian kerana, Islam menganggap bahawa kekayaan adalah anugerah daripada Allah SWT yang harus disyukuri. Selain itu juga, Islam senantiasa menyeru kepada kejayaan sebagaimana disebut dalam laungan azan 5 kali setiap hari.

Menurut al-Qardawi lagi, hadis-hadis yang memuji kehidupan zuhud bukanlah bermakna memuji kemiskinan. Akan tetapi hadis-hadis tersebut bermaksud

<sup>1</sup> Berdasarkan tukaran matawang asing pada 26 julai 2018 yang digenapkan kepada 30 hari. [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=statistic&pg=stats\\_exchangerates](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=statistic&pg=stats_exchangerates)

<sup>2</sup> Kadar had kifayah mengikut Lembaga Zakat Selangor misalnya dikirakan mengikut pengelasan tertentu seperti dari kontes Ketua Keluarga, Isteri dan Anak-anak, jenis rumah, termasuklah pendidikan anak-anak serta lain-lain tambahan pengelasan.

tentang orang yang memiliki dunia (kemewahan) tetapi meletakkannya dalam genggamannya (mampu dikawal) bukan di dalam hatinya.

Bahayanya kemiskinan ini kepada akidah manusia sehingga ada doa yang diajar Nabi Muhammad SAW untuk menghindari manusia daripada kemiskinan. Dalam satu hadis, Nabi Muhammad SAW bersabda dengan maksunya: "Maksudnya: Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kemiskinan dan kekufturan". (riwayat Abu Daud)

Dalam hadis yang lain, Nabi Muhammad SAW bersabda dengan maksudnya: "Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kemiskinan, kekurangan dan kehinaan. Dan aku berlindung kepada-Mu daripada menganiaya atau dianiaya". (riwayat Abu Daud, an-Nasai, Ibnu majah dan al-Hakim daripada Abu Hurairah).

Al-Qardawi seterusnya menjelaskan bahawa kemiskinan juga membawa bahaya ke atas akhlak dan budi pekerti yakni apabila keadaan yang mendesak menyebabkan adakalanya orang-orang miskin cenderung melakukan tindakan di luar akhlak dan budi pekerti yang mulia.

### **Hubungkait kemiskinan dengan kehidupan wajar**

Kita selalu beranggapan bahawa kemiskinan hanya melibat tentang pendapatan dan sumber yang terhad dan terhalang untuk melakukan perkara-perkara yang lazimnya boleh dilakukan oleh masyarakat setempat seperti makan sekurang-kurangnya 2 kali sehari, tinggal di rumah yang selamat, ke sekolah, dan lain-lain.

Namun begitu kemiskinan juga sebenarnya adalah tentang suatu keadaan yang rapuh dan terdedah kepada bentuk-bentuk keaiban dan eksplotasi iaitu apabila individu miskin terpaksa bergantung kepada orang lain untuk meneruskan kehidupan. Mereka juga terdedah kepada kebiadapan manusia dan rasa rendah diri ketika memohon bantuan.

Dalam satu kehidupan yang baik (wajar), manusia hidup dengan rasa hormat diri dan bermaruah. Kehidupan yang wajar juga memberi manusia peluang untuk mengubah nasib diri menjadi lebih baik seperti melalui pendidikan dan peluang pekerjaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, adakalanya kemiskinan menghalang manusia untuk mendapat kehormatan dan peluang tersebut ataupun kedua-dua perkara itu mudah dieksplotasi oleh pihak ketiga.

Sebagai contoh, kemiskinan menjadi penyebab kepada mudahnya anak-anak perempuan dikahwinan pada usia yang begitu muda tanpa jaminan dapat meneruskan pendidikan mereka. Menurut International Center for Research on Women (2006) perkahwinan kanak-kanak lazimnya berlaku dalam kalangan orang-orang miskin bagi negara-negara membangun.

Anak-anak perempuan dalam keluarga yang miskin tadi dilihat sebagai beban ekonomi dan dengan perkahwinan, beban tersebut dapat dikurangkan. Walau dari satu segi keluarga berpandangan bahawa beban ekonomi mereka dikurangkan melalui perkahwinan anak perempuan, hakikatnya keputusan itu juga sebenarnya boleh membuka ruang eksplotasi yang lain kepada kanak-kanak tersebut.

Sebagai contoh, kajian yang sama juga ada menyebut tentang ramai kanak-kanak perempuan di Afghanistan misalnya dikahwin dengan lelaki yang jauh lebih tua dan ada ketikanya telah mempunyai lebih dari seorang isteri. Bahkan yang lebih malangnya, anak gadis yang berkahwin pada usia muda ini kekal miskin selepas berkahwin.

Keadaan ini berlaku kerana perkahwinan yang dihadapi oleh kanak-kanak itu tidak datang bersama peluang untuk mendapat pendidikan yang lebih baik seterusnya mendapat pekerjaan dan pendapatan yang baik. Sebaliknya, kitaran kemiskinan sukar tersebut untuk dipecahkan apabila perkahwinan yang berlaku tidak datang bersama jaminan untuk mengubah taraf ekonomi melalui pendidikan.

Golongan miskin walaupun tidak kesemuanya, dilihat tidak mampu membuat keputusan ekonomi yang betul kerana berasa tidak yakin daripada akibat kemiskinan juga disebabkan oleh taraf pendidikan yang diterima. Sebagai contoh, membiarkan anak-anak tidak mendapat pendidikan yang sempurna, mengahwinkan anak perempuan pada usia yang muda, tidak mengamalkan perancangan keluarga dengan nasihat yang betul dan lain-lain. Justeru, mereka dilihat melakukan apa yang dilakukan oleh orang sebelum mereka. Hal ini menyebabkan kitaran kemiskinan sukar dipecahkan dan peluang untuk mendapat kehidupan yang lebih baik juga mengurang.

Justeru, bagaimanakah yang dikata sebagai kehidupan wajar? Menurut European Comission (2013) yang difahami sebagai kehidupan yang baik atau selepas ini disebut sebagai kehidupan wajar ialah tentang membasmi kemiskinan dan memberi dunia kehidupan yang mampan. Ini termasuklah hal berkaitan kelestarian alam sekitar, kestabilan politik dan konflik negara dalam memastikan manusia mendapat kehidupan yang baik.

Dalam konteks sosioekonomi, kehidupan yang wajar terkandung padanya tentang pekerjaan dan pendapatan yang diterima oleh individu. International Labour Ofice (ILO) dalam Anker (2011) misalnya menyokong kepada upah yang membolehkan individu pekerja itu memenuhi dan mengekalkan kehidupan yang baik buat dirinya berserta keluarganya.

Parker, Arrowsmith, Fells dan Prowse (2016) menyimpulkan antara lain konsep gaji kehidupan wajar ialah tentang penyertaan manusia di peringkat sosial dan pembangunan kapasiti bagi kedua-dua individu dan keluarga mereka.

Dalam Laporan Bank Negara Malaysia 2017 pula secara spesifik ada menyebut tentang gaji kehidupan wajar melalui artikel "Gaji Kehidupan Wajar: Bukan Sekadar Menampung Keperluan Asas" (Chong & Adam Khong, 2018). Artikel tersebut membincangkan tentang tentang konsep kehidupan minimum yang boleh diterima hendaklah melebihi daripada sekadar menampung kehidupan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Yang dimaksudkan melebihi kepada hanya perkara asas yang telah disebut tadi ialah tentang keupayaan untuk berinteraksi dan berhubung dalam masyarakat secara bermakna, kebebasan ekonomi seterusnya peluang untuk memajukan diri dan keluarga.

Ini bermakna, kehidupan manusia ini bukan sekadar tentang kelangsungan hidup semata-mata, tetapi lebih dari itu (interaksi secara bermakna dan bermanfaat dalam masyarakat). Justeru, penterjemahan konsep kehidupan minimum yang boleh diterima masyarakat setempat dalam bentuk angka – gaji kehidupan wajar, adalah satu kaedah kepada negara untuk meletakkan sasaran seterusnya mencapai sasaran tersebut.

Selain itu juga, perterjemahan kehidupan wajar kepada bentuk pendapatan ataupun gaji adalah kerana beberapa tahun kebelakang, ramai pekerja bergaji rendah di beberapa negara tidak dapat mencapai taraf hidup minum yang diterima masyarakat setempat (Chong & Adam Khong, 2018). Manusia mungkin boleh meneruskan hidup dengan keadaan minimum, tetapi tidak boleh berfungsi dan menjiwai sepenuhnya sebagai seorang insan apabila hidupnya hanya berkisar tentang mencukupkan makan dan minum.

Pendekatan untuk membantu kumpulan berpendapatan rendah melalui gaji dan upah memang telah dilaksanakan seperti melalui penetapan gaji minimum. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan di antara gaji minimum dengan gaji kehidupan wajar (Chong & Adam Khong, 2018). Pertamanya, gaji minimum adalah gaji yang dikanunkan dan gaji kehidupan wajar tidak dikanunkan. Bagi Malaysia, Perintah Gaji Minimum yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016 meletakkan gaji minimum sebanyak RM1000 sebulan di Semenanjung dan RM920 di Sabah dan Sarawak (Jabatan Peguam Negara, 2016).

Kedua, gaji kehidupan wajar ialah gaji yang mengikut kos sara hidup terkini dan bukan hanya memenuhi keperluan asas makanan, pakaian dan tempat tinggal, bertujuan untuk mengekalkan taraf hidup minimum yang diterima masyarakat setempat. Justeru, ia lebih tinggi daripada gaji minimum.

Berdasarkan kajian yang dibuat BNM, gaji kehidupan wajar bagi individu bujang di Kuala Lumpur dianggarkan sebanyak RM2700. Bagi pasangan tanpa anak, gaji kehidupan wajar bagi seisi rumah tersebut dianggarkan sebanyak RM4500. Manakala bagi pasangan yang mempunyai 2 orang anak gaji kehidupan wajar bagi seisi rumah tersebut dianggarkan sebanyak RM6500.

Di United Kingdom (UK) pula, kerajaan negara tersebut memperkenalkan *National Living Wage* pada 2016. Hampir menyerupai perintah gaji minimum, perwartaan perintah ini terpakai kepada pekerja yang berusia 25 dan ke atas pada kadar 7.83 pound sejam (GOV.UK, n. d). Walau bagaimanapun, kadar *National Living Wage* yang diwartakan tidak sama dengan *Real Living Wage* yang dikira ke atas kos hidup sebenar di sana. *Real Living Wage* bagaimanapun tidak dikanunkan dalam undang-undang UK.

Sebaliknya, *Real Living Wage* di UK ini menjadi satu kempen kepada majikan untuk membayar gaji dan upah kepada pekerja mereka terutama sekali yang berpendapatan rendah mengikut kadar benar gaji kehidupan wajar. Menurut Living Wage Foundation (n.d), pada masa kini kadar *Real Living Wage* di UK ialah 8.75 pound sejam dan di London sahaja ialah 10.20 pound sejam. Kempen sukarela ini

telahpun disertai lebih 4200 firma perniagaan termasuklah IKEA, GSK, Uniliver dan lain-lain.

Kanada juga mempromosikan pembayaran gaji mengikut kadar gaji kehidupan wajar oleh para majikan antara lain kerana pendapatan itu membolehkan keluarga dapat menampung kos-kos kehidupan yang wajar, menyokong pembangunan kanak-kanak dengan lebih sihat dan memastikan isi rumah tidak terbelenggu dengan tekanan kewangan yang melampau (Living Wage Canada, 2013).

Kajian yang dimulakan oleh Glasmeier (2017) dari MIT, Amerika Syarikat pula menghitung kadar gaji kehidupan wajar dengan memasukkan elemen utama seperti belanja perumahan dan kos penjagaan anak-anak. Nadeau (2017) dalam perkiraan gaji kehidupan wajar di Amerika ini ada menyebut bahawa pemerintah tidak mengambil kira kos-kos berkaitan penjagaan anak dan juga kos kesihatan dalam perkiraan kemiskinan di peringkat persekutuan. Walau bagaimanapun, model gaji kehidupan wajar yang dikemukakan oleh Glamemeier ini dianggap sebagai perkiraan alternatif kepada keperluan asas (gaji minimum) yang ditambah baik, justeru beliau tidak mengambil kira kebanyakan kos hiburan atau sosial yang minimal seperti makan di restoran sekali skala (Nadeau, 2017).

Seperti kebanyakan negara lain, di New Zealand, pemberian gaji mengikut gaji kehidupan wajar adalah satu tindakan sukarela oleh para majikan. Di antara elemen utama yang dimasukkan dalam pengiraan tersebut ialah kos penjagaan anak-anak (Living Wage Movement Aotearoa New Zealand, n. d) sama seperti di Amerika Syarikat. Gaji kehidupan wajar diberi perhatian kerana melihat kepentingan kesejahteraan komuniti, terutama sekali kepada golongan yang berpendapatan rendah (Waldegrave, King and Urbanová, 2018).

Berdasarkan kajian Waldegrave, King and Urbanová (2018), gaji kehidupan wajar yang disarankan, membantu masyarakat untuk mendapat hidup yang baik (to live modestly) dan berinteraksi dalam masyarakat. Menariknya juga penyelidik menyatakan gaji kehidupan wajar membolehkan para pekerja hidup bermaruah dan boleh berinteraksi secara aktif dalam masyarakat bersama-sama dengan ahli keluarga mereka. Di antara perkara yang dikirakan untuk membentuk gaji kehidupan wajar menurut penyelidik berkenaan termasuklah elemen rekreasi dan kebudayaan.

Secara umumnya, berdasarkan kajian-kajian yang disebut di atas, perkiraan gaji kehidupan wajar dilakukan sebagai salah satu kaedah untuk membasi kemiskinan. Namun yang lebih utama, perkiraan gaji kehidupan wajar dimulakan kerana kesedaran akan pentingkan sebuah kehidupan yang baik atau kehidupan yang lebih bermakna kepada manusia.

Berdasarkan perbandingan beberapa pemahaman tentang konsep gaji kehidupan wajar ini, dapat dilihat beberapa elemen yang penting dalam membina sebuah kehidupan yang baik atau kehidupan yang wajar iaitu; interaksi secara bermakna dan bermanfaat dalam masyarakat, bebas dari tekanan kewangan yang melampau, pembangunan keluarga, hidup dengan bermaruah dan peluang memajukan diri.

## Kehidupan wajar dalam Islam

Meletakkan hanya satu rujukan tertentu untuk dirujuk oleh semua sebagai penanda aras kepada kehidupan yang wajar adalah kurang tepat. Dalam konteks Islam, keadaan taraf hidup semasa juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan satu taraf kehidupan yang wajar. Fokus utama kepada kehidupan wajar melihat kepada taraf hidup minimum yang diterima oleh masyarakat setempat ketika itu dan melebihi tujuan kelangsungan hidup semata-mata (makan minum, tempat tinggal dan pakaian yang asas).

Dalam sejarah Islam, didapati bahawa masyarakat di Mesir dan Iraq sekitar abad ke-8 hingga abad ke-10 menikmati purata pendapatan dan upah bagi pekerja berkemahiran rendah melebihi saraan hidup yang minimum<sup>3</sup> ketika itu (Pamuk dan Shatzmiller, 2014). Berdasarkan kajian Pamuk dan Shatzmiller (2014), satu bakul barang pengguna mengikut taraf hidup yang diterima masyarakat ketika itu (kehidupan wajar) digariskan mengandungi seperti gandum, kekacang, daging, minyak zaitun, sabun, kain linen, bahan bakar dan sewa. Berdasarkan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Islam ketika itu telahpun menikmati satu kehidupan wajar bagi tempoh yang digelar penyelidik sebagai “Golden-Age of Islam”.

Dalam kajian yang berbeza, Ozmucur dan Pamuk (2002) menganalisis data upah pekerja pembinaan separa mahir dan mahir pada zaman Empayar Uthmaniyyah sekitar tahun 1490-1914 dan mendapati bahawa kuasa beli mereka tinggi. Keadaan ini juga disebut dalam Pamuk dan Shatzmiller (2014) bagi masyarakat Mesir dan Iraq pada abad 10 hingga ke-14. Pada abad ke-16 pula, seorang pekerja binaan separa mahir boleh membeli 8kg roti atau 2.5kg beras atau 2kg daging kambing dengan upah sehari. Manakala pekerja binaan mahir pula menikmati 1.5 atau 2 kali lebih upah sehari berbanding pekerja binaan separa mahir. Pada tingkat gaji ini, dikatakan bahawa pekerja binaan mahir menikmati taraf hidup lebih tinggi daripada taraf hidup populasi secara purata ketika itu, juga lebih tinggi daripada populasi urban ketika itu Ozmucur dan Pamuk (2002).

Bagi kedua-dua kajian, taraf hidup semasa banyak melihat kepada kuasa membeli masyarakat ketika itu. Data-data yang diperoleh oleh penyelidik menyaksikan bahawa barang pengguna ketika itu adalah ‘mampu milik’. Selama beberapa abad berdasarkan kajian tersebut, kedua-dua pekerja separa mahir dan mahir hidup dalam lingkungan kehidupan wajar apabila kuasa membeli mereka tinggi daripada saraan minium semasa.

Pada hari ini kita menghadapi cabaran yang lebih besar kerana era globalisasi. Keadaan sosioekonomi sesebuah negara tidak hanya bergantung pada permintaan dan penawaran domestik, akan tetapi banyak melibatkan hubungan luar. Lebih kritikal, jika barang dan perkhidmatan yang paling asas seperti makanan asasi

<sup>3</sup> Kajian penyelidik menyimpulkan kaedah terbaik untuk mengira kuasa beli gaji harian adalah dalam bentuk gandum atau roti. Justeru, berdasarkan kajian yang dilakukan, penyelidik menganggarkan saraan minimum sehari bersamaan dengan nilai 3.2-3.7 kg gandum.

tidak dapat ditampung oleh pengeluar domestik, maka tingkat harga barang dan perkhidmatan tidak dapat dikawal sepenuhnya disebabkan oleh faktor luar. Walau bagaimanapun, prinsip umum Islam tentang kehidupan manusia menuntut agar lima matlamat utama yakni agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dipelihara sekalipun negara berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa.

Berdasarkan tafsiran dan perbandingan tentang kehidupan wajar (termasuk berdasarkan definisi gaji kehidupan wajar), dapat disimpulkan bahawa, **pertama**, pekerjaan merupakan aspek yang memainkan peranan penting dalam kehidupan. Pekerjaan yang baik membolehkan manusia menafkahi dirinya sendiri serta keluarganya, juga memperbaiki taraf ekonominya. Berdasarkan hakikat tersebut, aspek pekerjaan ini boleh dibahagi kepada dua, peluang pekerjaan yang baik dan juga pendapatan yang baik.

Islam secara khususnya melihat perbuatan mencari rezeki ataupun bekerja bagi memenuhi keperluan hidup seperti makan minum, tempat tinggal dan pakaian adalah satu tuntutan kepada manusia. Allah berfirman dalam Surah al-Jumu'ah ayat 10 yang bermaksud, *"Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah limpah kurniaan Allah, serta ingatlah Allah sebanyak-banyaknya (dalam setiap keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)"*.

Maka permulaannya manusia perlu bekerja untuk menafkahi dirinya sendiri, kemudian tanggungannya. Kemudian dalam masa yang sama manusia bekerja bagi memenuhi fardhu kifayah sebagai memenuhi keperluan manusia-manusia yang lain di tempatnya.

Sebenarnya, bekerja bukan sahaja memenuhi keperluan asas hidup individu, tetapi juga sebenarnya mengangkat maruahnya sebagai manusia dan maruah agama. Hidup bermaruah juga merupakan salah satu elemen yang utama dalam tafsiran kehidupan wajar. Bekerja atau perbuatan mencari rezeki melambangkan maruah individu untuk mengubah nasib diri dan keluarganya.

Hidup bermaruah membolehkan individu membeli keperluan tanpa perlu menanggung aib meminta-minta kepada orang yang lain untuk mecukupkan keperluan. Hal demikian kerana, tidak semua pertolongan daripada manusia yang lain datang dengan niat yang ikhlas. Ada ketikanya pertolongan itu datang dengan celaan atau eksploitasi seperti imbuhan yang boleh merobek maruah manusia.

Disebabkan itu, Islam melarang kita meminta-minta tanpa sebab kerana perbuatan itu mengundang azab di hari akhirat sebagaimana yang disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud, *"Dari Hamzah bin 'Abdullah bin 'Umar r.a., dari bapanya, katanya Nabi saw. bersabda: "Seorang peminta-minta, kelak di hari kiamat dia akan datang menemui Allah dengan muka tanpa daging."*

Manakala orang yang berusaha untuk menafkahi diri serta keluarganya walaupun melalui pekerjaan yang berkemahiran rendah adalah lebih baik daripada golongan yang meminta-minta ini. Hal ini disebut dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari yang bermaksud, *"Dari Zubair bin Awwam r.a., dari Nabi saw., sabdanya: "Apabila kamu menyiapkan seutas tali, lalu pergi mencari kayu api, kemudian*

*dibawanya seikat kayu dipunggungnya lalu dijualnya, dan Allah memberi kecukupan bagi keinginannya, itulah yang lebih baik baginya daripada ia meminta-minta kepada orang banyak diberi ataupun tidak.”*

Perkara kedua tentang pekerjaan ialah mengenai pendapatan yang baik. Upah dan gaji sebenarnya adalah mengikut sebagaimana yang terkandung dalam kontrak atau persetujuan antara majikan dan pekerja. Walau bagaimanapun, Islam menentang kepada eksplorasi dalam memberi upah sama ada terlalu sedikit; tidak setimpal dengan tugasan ataupun terlalu tinggi; tidak sepadan dengan kelayakan dan nilai tugas yang dijalankan.

Upah yang terlalu sedikit boleh menyebabkan pekerja yang terdesak untuk memenuhi keperluan hidup untuk melakukan perkara-perkara yang mungkar. Manakala upah yang terlalu tinggi; tidak sepadan dengan nilai tugas dan kelayakan mungkin mencerminkan salah laku dalam memikul amanah pekerjaan.

Aspek **kedua** dalam kehidupan wajar dalam Islam yang dapat disimpulkan ialah tentang kebebasan individu dalam membuat keputusan. Kebebasan ini bukanlah diertikan sebagai kebebasan mutlak baik dari segi peraturan dan undang-undang. Akan tetapi kebebasan yang dimaksudkan adalah dalam ruang lingkup seperti pekerjaan dan kewangan.

Yang dimaksudkan kebebasan dalam pekerjaan itu ialah apabila dia boleh memilih pekerjaannya dan dia boleh memilih untuk mempunyai masa terluang bersama keluarga sekalipun bekerja. Maknanya individu tersebut tidak menghabiskan masanya hanya untuk bekerja untuk mencari rezeki.

Kesusahan hidup individu terutama bagi pekerja separa mahir dan berpendapatan rendah boleh menyebabkannya melakukan lebih dari satu pekerjaan dalam sehari ataupun bekerja lebih lama berbanding orang lain. Keadaan ini menyebabkan dia seolah-olah tidak punya kebebasan hidup dalam usaha menafkahai diri dan keluarganya.

Banyak masa yang dihabiskan dengan mencari nafkah demi kelangsungan hidup boleh menyebabkan individu mengabai kehidupan keluarga. Pembesaran anak-anak dalam keluarga yang kurang sihat (tanpa perhatian yang wajar dari kedua ibu bapa) boleh menimbulkan permasalahan lain seperti gejala sosial dan jenayah. Lebih malang lagi, sekalipun ibu bapa menghabiskan begitu banyak masa untuk keluar mencari rezeki, ada ketikanya upah yang diterima tidak setimpal dengan keringat yang dicurahkan.

Dalam Laporan Kanak-Kanak Pinggiran Unicef Malaysia 2018 yang mengkaji 17 lokasi di penempatan perumahan kos rendah misalnya mendapati bahawa, 9 daripada 10 ketua isi rumah mempunyai pekerjaan separuh mahir atau pekerjaan berkemahiran rendah. 1 dalam 3 isi rumah berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Kaji selidik ini seterusnya mendapati bahawa mereka ini bekerja lebih kuat (berdasarkan jam bekerja dan upah mengikut jam mereka) tetapi beroleh pendapatan

lebih rendah berbanding pekerja biasa<sup>4</sup> (Muhammad Abdul Khalid, Zouhair Rosli, Siti Nur Fatimahtul Maryam Abdul Halim dan Endie Shazlie Akbar, 2018).

Kebebasan kewangan pula bermaksud individu tidak menghadapi tekanan kewangan yang melampau secara berterusan akibat daripada desakan hidup. Beban kewangan tidak hanya bermaksud hutang yang banyak, tetapi juga bermakna keadaan kewangan yang ketat sehingga menyebabkan tekanan. Sebagai contoh, makan sehari-hari yang terpaksa dicatu kerana berjimat, keperluan persekolahan anak-anak yang tidak dapat dipenuhi segera begitu juga pakaian lusuh lagi buruk yang tidak dapat diganti.

Dalam laporan Unicef yang sama juga mendapati kebanyakan isi rumah penghuni 17 rumah pangsa mengatakan mereka tidak dapat membuat simpanan kerana pendapatan yang diperolehi habis kesemuanya dibelanjakan kepada keperluan asasi rumah setiap bulan. Malah ada responden yang terpaksa melakukan kerja tambahan apabila menjelangnya musim persekolahan demi membayar yuran dan membeli pakaian sekolah anak-anak.

Terdapat juga responden yang mendedahkan beliau hanya memiliki sekilo beras ketika soal selidik dijalankan. Kajian keseluruhan juga mendapati bahawa lebih daripada 1 dalam setiap 10 kanak-kanak di rumah pangsa tersebut menikmati kurang daripada tiga hidangan sehari dengan 97% isi rumah mengatakan bahawa harga makanan yang tinggi menghalang mereka menyediakan hidangan yang sihat kepada anak-anak.

Hakikat yang pahit untuk diterima tentang kemiskinan di Malaysia ialah, ada golongan miskin yang bukan sepanjang masa hidup dalam kemiskinan sebagaimana yang lazim dibayang oleh semua pihak. Golongan ini sama seperti sebahagian golongan yang lain, tinggal di bandar yang pesat pembangunan infrastruktur dan ekonominya, mempunyai pekerjaan dan juga keluarga.

Kumpulan ini tidak mendapat kehidupan yang baik atau kehidupan yang wajar kerana dihimpit oleh tekanan kewangan yang berat, bukan kerana mereka miskin pada hakikat yang biasa, tetapi ‘miskin’ secara realtif akibat dariapda kos sara hidup persekitaran. Kebebasan kewangan kepada golongan ini melalui pendapatan yang setimpal boleh membantu mereka mendapat kehidupan yang lebih baik.

**Ketiga**, kehidupan wajar menghargai interaksi yang bermanfaat dan bermakna sesama manusia. Interaksi sosial ini termasuklah berkemampuan untuk merayakan hari perayaan, menziarahi keluarga, beriadah dan mempunyai masa terluang bersama keluarga. Selain itu juga, interaksi ini bermaksud setiap lapisan masyarakat adalah penting dan bermakna kepada negara.

Perhubungan manusia secara bermakna dan bermanfaat ini menggalakkan individu untuk terlibat aktif dalam masyarakat. Taraf ekonomi individu tidak boleh menjadi penyebab seseorang untuk hidup terasing dan terpinggir. Setiap manusia

<sup>4</sup> Berdasarkan laporan tersebut, secara purata, responden kajian bekerja sebanyak 48jam seminggu dengan gaji RM9 sejam berbanding dengan purata jam kerja kebangsaan iaitu sebanyak 47jam seminggu dengan gaji sebanyak RM12 sejam.

layak disantuni dengan baik sekalipun dia seorang peminta sedekah. Firman Allah dalam surah al-baqarah ayat 263 yang bermaksud,

*"Perkataan yang baik atau kata-kata yang manis (penolakan secara lemah lembut terhadap peminta) dan pemberian maaf (lantaran desakan dan tingkah lakunya) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) meyakitkan hati."*

**Keempat**, kehidupan wajar dalam Islam ialah tentang menyokong pembangunan institusi keluarga. Manusia diciptakan untuk hidup dalam masyarakat dan membina keluarga yang bahagia. Firman Allah dalam Surah ar-Rum ayat 21 yang bermaksud, *"Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya) bahawa Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu hidup bahagia dengannya dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan kasihan belas..."*

Secara fitrahnya, manusia terdorong untuk hidup berkeluarga. Taraf hidup juga tidak menghalang manusia untuk mengikuti fitrahnya berkeluarga baik kepada orang miskin mahupun orang yang kaya. Melalui fitrah ini, manusia mengembangkan zuriat keturunan mereka.

Dalam konteks pembangunan anak-anak, terdapat satu bidalan lama Afrika menyebut bahawa, "ia memerlukan seisi kampung untuk membesarakan seorang anak (it takes a whole village to raise a child)" (Mohamed, 1996). Begitulah pengibaratatan cabaran dalam membesarakan anak-anak. Bidalan ini juga benar sekiranya kita berhasrat untuk melahirkan generasi yang berdaya maju. Dalam konteks negara, generasi baharu mencorakkan demografi masyarakat dan kemajuan negara pada masa yang akan datang.

Bagi sesebuah negara, demografi yang seimbang sangat diperlukan untuk membentuk populasi dan negara yang kukuh kerana setiap individu adalah sebahagian daripada modal insan kepada negaranya. Kita tidak boleh selamanya bergantung kepada kepakaran tenaga kerja asing demi memelihara kedaulatan negara. Oleh sebab itu sebarang dasar dan polisi perlulah mesra keluarga dan menyokong kepada keseimbangan hidup.

Apakah yang akan berlaku sekiranya terdapat dasar atau polisi yang tidak menyokong pembangunan keluarga? Kita akan dapat pembentukan keluarga menjadi pincang dan demografi menjadi tidak seimbang. Sebagai contoh, negara China pernah mewujudkan dasar satu anak bagi setiap keluarga. Kesan daripadanya ialah China telah mencatatkan nisbah jantina ketika lahir secara puratanya sekitar 115 kanak-kanak lelaki bagi setiap 100 perempuan selepas sepuluh tahun dasar ini dilaksanakan (Chamie, 2014).

Menurut Chamie (2014), keadaan ini menggambarkan kecenderungan yang kuat untuk memilih kelahiran anak lelaki berbanding anak perempuan dalam sesebuah keluarga terutamanya di kawasan luar bandar dan juga menunjukkan penggunaan pengguguran pilihan berdasarkan gender. Kecenderungan untuk memiliki anak lelaki berbanding anak perempuan yang berlaku itu juga telah

menyebabkan lebih daripada 25 juta lelaki muda tidak dapat mencari pasangan hidup di China.

Contoh yang lain pula ialah seperti di Singapura yang pernah mengamalkan dasar dua anak sekitar 1972. Kesan daripada itu telah memperlihatkan kadar kesuburan wanita menurun di bawah paras penggantian sekitar 1980-an di mana ramai wanita terpelajar memilih untuk hidup membujang berbanding wanita kurang berpelajaran yang didapati melahirkan lebih ramai anak (Mui, 2003).

Di Malaysia mungkin tidak ada dasar dan polisi secara langsung yang mengehadkan kelahiran anak sekali gus menyumbang kepada pembentukan ciri-ciri demografi tertentu. Walau bagaimanapun mungkin terdapat dasar dan polisi atau pendirian tertentu yang boleh memberi kesan kepada pembangunan keluarga. Sebagai contoh, wanita hamil tidak diterima untuk bekerja sekalipun sekalipun layak dalam penilaian. Tiada keihsanan majikan berhubung isu keluarga pekerja menyebabkan ibu terutamanya berhenti kerja atau mengehad kelahiran anak. Atau juga mungkin tempat tinggal yang tidak sesuai didiami oleh keluarga terutama sekali di bandar-bandar utama seperti pangaspuri atau flat dua bilik. Begitu juga tentang kemudahan penjagaan anak-anak yang tidak mengikut spesifikasi atau mencukupi bagi kedua ibu dan bapa yang bekerja menyebabkan anak-anak terbiar ataupun mudah dianiaya penjaga mereka.

Kesemua perkara ini akhirnya menyebabkan sama ada individu memilih untuk kekal bujang atau mengehad bilangan kelahiran anak atau mungkin juga menghadapi masalah-masalah lain dalam keluarga. Antara kesan yang kita boleh lihat adalah seperti keruntuhan institusi keluarga bilamana anak-anak yang terabai, ibu bapa bercerai akibat tekanan ekonomi dan masalah jenayah dan gejala sosial. Dalam konteks demografi pula, pengurangan kadar kelahiran anak, atau secara statistiknya kadar kesuburan wanita<sup>5</sup> boleh membentuk negara menua dengan kadar yang lebih cepat.

**Kelima**, kehidupan wajar memberi peluang kepada individu untuk memajukan diri mereka. Tidak semua insan bertuah dilahirkan dengan mewarisi kekayaan keturunan ataupun dengan kelebihan kecerdasan tertentu. Walau bagaimanapun, manusia boleh mengubah hidup mereka dengan usaha yang gigih serta melalui peluang yang adil. Allah juga berfirman tentang perkara ini dalam Surah ar-Ra'd ayat 11 yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu sendiri sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri*".

---

<sup>5</sup> Kadar kesuburan jumlah bagi seorang wanita pada usia reproduktif 15-49 tahun. Di Malaysia kadar ini semakin menurun dan kurang dari paras penggantian (purata bilangan bayi yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang tempoh kesuburannya tidak mencukupi untuk menggantikan dirinya dan pasangannya) iaitu 2.0 pada 2015 kepada 1.9 pada 2016. Rujuk Jabatan Perangkaan Malaysia. 2007. *Perangkaan Penting Malaysia*, 2017. Capaian pada 7 Ogos 2018 dari <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=aHBtM3FyQnIzS0JwdzJBS1hWVTQ4QT09>

Dalam konteks negara yang mengamalkan kapitalisme, peluang kepada kumpulan yang tiada modal untuk memajukan diri atau keluar dari kepompong kemiskinan mungkin terhad. Dalam sistem ini, golongan kaya menjadi semakin kaya dan golongan miskin menjadi miskin. Islam menentang idea hanya golongan tertentu sahaja berhak mengumpul harta atau menjadi kaya sebagaimana dalam ayat 7 surah al-Hasyr yang bermaksud, “(ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di kalangan orang kaya daripada kalangan kamu”.

Di sini kita melihat fungsi kerajaan dalam sebuah negara adalah kritikal untuk memberi peluang saksama kepada setiap ahli masyarakat. Persaingan itu sememangnya penting untuk menghasilkan produktiviti yang lebih baik namun perlu ada campur tangan dalam bahagian-bahagian tertentu yang mungkin sukar diakses oleh masyarakat awam atas pelbagai sebab. Peluang-peluang yang dilihat penting untuk diurus secara saksama ialah tentang peluang dalam pendidikan tinggi, pekerjaan, perniagaan, pemilikan harta tanah, bantuan guaman dan lain-lain.

Ketegasan pemerintah diperlukan untuk membuat dan menguatkuasa dasar dan polisi yang berkaitan. Sebagai contoh, peluang pekerjaan dalam sektor kemahiran rendah perlu didahulukan kepada warga tempatan berbanding warga asing. Di peringkat warganera muda, pemantauan yang lebih tegas diperlukan berkenaan kemasukan kanak-kanak ke dalam sistem persekolahan bagi menjamin masa depan mereka. Ini termasuklah dengan melalui bantuan seperti kepada penjaga yang miskin, bantuan kepakaran dan kewangan kepada sesi kaunseling atau sekolah yang memupuk tingkah laku yang baik, bantuan kenderaan ke sekolah atau penempatan asrama, juga pemantauan berkala yang baik kepada penjaga kanak-kanak.

Pemantauan dan penguatkuasaan perkara-perkara ini tidak lain tidak bukan sebenarnya untuk memberi peluang pada peringkat paling awal kepada setiap individu dalam negara untuk memajukan diri. Sekali gus, menjamin diri mereka untuk mendapat satu kehidupan yang baik pada masa akan datang.

## KESIMPULAN

Kehidupan wajar yang dibincangkan dalam makalah ini banyak didasari dengan kajian tentang kemiskinan dan ‘gaji kehidupan wajar’. Gaji kehidupan wajar dipromosi oleh banyak negara termasuklah Malaysia adalah sebagai satu kaedah menangani kemiskinan dan menggalakkan kehidupan yang seimbang. Walau bagaimanapun, kehidupan wajar secara umumnya melebihi aspek tingkat pendapatan seseorang individu.

Sebagai contoh interaksi secara sosial dan bermakna dalam masyarakat tidak boleh dipaksa ke atas semua individu. Tidak semua insan sudi untuk bergaul secara adil dan tanpa prejudis dalam masyarakat tanpa mengira status ekonomi mereka. Sebaliknya, sikap individu, pegangan agama yang kukuh dan cara dibesarkan menyumbang kepada bagaimana individu tersebut bergaul dan berinteraksi dengan masyarakat.

Selain itu, satu aspek yang bermakna tentang kehidupan wajar ialah ia mementingkan individu untuk hidup bermaruah. Dalam konteks semasa, pekerjaan

yang baik membolehkan individu untuk hidup bermaruah tanpa perlu meminta-minta. Tambahan juga, pekerjaan yang baik dapat menjamin isi rumah terutama sekali anak-anak untuk mendapat pendidikan yang lebih baik dan memecahkan kitaran kemiskinan yang dihadapi keluarga.

Kehidupan wajar juga menjelaskan kepada kita tentang hakikat segelintir ahli masyarakat yang tinggal di bandar dan memiliki gaji melebihi gaji minimum tetapi hidup dalam kemiskinan dan tekanan akibat kos sara hidup yang tinggi. Di antara isu-isu yang dihadapi mereka termasuklah tempat tinggal yang kurang kondusif, kerja lebih lama daripada individu lain namun upah yang diterima adalah lebih rendah, juga ancaman kepada gejala sosial dan jenayah. Kehidupan wajar dalam konteks masyarakat seperti ini tidak hanya tertumpu pada keperluan asas yang minimum semata-mata, tetapi lebih kepada tentang kuasa membeli dan menjalani kehidupan bersama keluarga dengan lebih bermakna.

Islam secara umumnya tidak menyokong hidup dalam kemiskinan. Dalam masa yang sama, Islam juga menentang idea kekayaan hanya menumpu kepada segolongan kumpulan individu semata-mata. Mempromosi kehidupan wajar kepada majikan melalui kempen memberi gaji kehidupan wajar adalah satu pendekatan yang boleh memberi kesedaran kepada pelbagai pihak tentang pentingnya kehidupan yang bermakna kepada manusia. Modal insan yang berkualiti mampu menghasilkan produktiviti yang lebih baik kepada organisasi.

Kehidupan manusia didasari dengan elemen kasih sayang dan kasihan belas. Maruah diri memberi perbezaan besar di antara kehidupan manusia dengan makhluk yang lain seperti haiwan. Aspek-aspek beginilah sebenarnya yang perlu diketengahkan sekalipun negara mencapai pembangunan dan kemajuan yang pesat. Sekurang-kurangnya kita telah mara selangkah dalam memperkasa kehidupan yang bermakna apabila elemen-elemen ini diterjemahkan dalam bentuk sasaran gaji kehidupan wajar, sebagai satu pengukur kepada kehidupan yang lebih seimbang.

## SENARAI RUJUKAN

- Anker, R. 2011. *Estimating a living wage: A methodological review.* [https://is.muni.cz/repo/1131138/anker\\_2011\\_il0.pdf](https://is.muni.cz/repo/1131138/anker_2011_il0.pdf) (diakses pada 7 Ogos 2018).
- Butler, F. 2013. *What determines subjective poverty? An evaluation of the link between relative income poverty measures and subjective economic stress within the EU.* [https://horizontal-europeanization.eu/fileadmin/user\\_upload/proj/horizontal/downloads/pre-prints/PP\\_HoEu\\_2013-01\\_buttler\\_subjective\\_poverty\\_0.pdf](https://horizontal-europeanization.eu/fileadmin/user_upload/proj/horizontal/downloads/pre-prints/PP_HoEu_2013-01_buttler_subjective_poverty_0.pdf) (diakses pada 23 Mei 2018).
- Chamie, J. (2014). *Easing One-Child Policy May Be Too Late.* <http://yaleglobal.yale.edu/content/easing-one-child-policy-may-be-too-late> (diakses pada 23 Mei 2018).

- Charles Waldegrave, C., King, P. dan Urbanová, M. 2018. *Report of the Measurement Review for a New Zealand living wage.* [https://d3n8a8pro7vhmx.cloudfront.net/nzlivingwage/pages/265/attachments/original/1522815168/Living\\_Wage\\_2018\\_Measurement\\_Review\\_Report\\_Final\\_2\\_4\\_18\\_%28ID\\_8512%29.pdf?1522815168](https://d3n8a8pro7vhmx.cloudfront.net/nzlivingwage/pages/265/attachments/original/1522815168/Living_Wage_2018_Measurement_Review_Report_Final_2_4_18_%28ID_8512%29.pdf?1522815168) (diakses pada 2 Ogos 2018).
- Eilyn Chong dan Farina Adam Kong. 2018. Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017: *Gaji kehidupan wajar: Bukan sekadar menampung keperluan asas.* Hal. 98-108. [http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2017/ar2017\\_buku.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2017/ar2017_buku.pdf) (diakses pada 23 Mei 2018).
- European Commission. 2013. *A Decent Life for All: Ending poverty and giving the world a sustainable future.* [http://ec.europa.eu/europeaid/documents/2013-02-22\\_communication\\_a\\_decent\\_life\\_for\\_all\\_post\\_2015\\_en.pdf](http://ec.europa.eu/europeaid/documents/2013-02-22_communication_a_decent_life_for_all_post_2015_en.pdf) (diakses pada 25 Mei 2018).
- Ferreira, F. 2015. *The international poverty line has just been raised to \$1.90 a day, but global poverty is basically unchanged. How is that even possible?* <https://blogs.worldbank.org/developmenttalk/international-poverty-line-has-just-been-raised-190-day-global-poverty-basically-unchanged-how-even> (diakses pada 23 Mei 2018)
- Glasmeier, A. K. 2017. *Living Wage Rate Tied to the Cost of Housing and Child Care.* <http://livingwage.mit.edu/articles/24-living-wage-rate-tied-to-the-cost-of-housing-and-child-> (diakses pada 2 Ogos 2018).
- GOV.UK. n.d. *National Minimum Wage and National Living Wage Rates.* <https://www.gov.uk/national-minimum-wage-rates> (diakses pada 14 Ogos 2018).
- International Center for Research on Women. 2006. *Child Marriage and Poverty.* <https://www.icrw.org/files/images/Child-Marriage-Fact-Sheet-Poverty.pdf> (diakses pada 28 Jun 2018).
- Jabatan Peguam Negara. 2016. *Warta Kerajaan Persekutuan: Perintah Gaji Minimum 2016.* [http://minimumwages.mohr.gov.my/pdf/perintah\\_GM\\_PUA116.pdf](http://minimumwages.mohr.gov.my/pdf/perintah_GM_PUA116.pdf) (diakses pada 10 Julai 2018)
- Semega, J. L., Fontenot, K. R., & Kollar, M. K. 2017. *Income and Poverty in the United States: 2016.* <https://www.census.gov/library/publications/2017/demo/p60-259.html> (diakses pada 8 Ogos 2018).
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. n. d. *Soalan Lazim : Program Pembasmiان Kemiskinan Bandar (PPKB).* <http://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/285> (diakses pada 23 Mei 2018).
- Lembaga Zakat Selangor. n. d. *Fakir, Miskin dan Had Al-Kifayah.* <http://www.zakatselangor.com.my/terkini/fakir-miskin-dan-had-al-kifayah-2/> (diakses pada 23 Mei 2018).
- Living Wage Canada. 2013. *What is a Living Wage.* <http://www.livingwagecanada.ca/index.php/about-living-wage/what/> (diakses pada 2 Ogos 2018).

- Living Wage Foundation (UK). n. d. *Explaining UK Wage Rates*. <https://www.livingwage.org.uk/what-real-living-wage> (diakses pada 28 Mei 2018).
- Living Wage Movement Aotearoa New Zealand. n.d. *What is the Living Wage*. [https://www.livingwage.org.nz/what\\_is\\_the\\_living\\_wage](https://www.livingwage.org.nz/what_is_the_living_wage) (diakses pada 2 Ogos 2018).
- Mohamed, E. R. 1996. It takes a whole village to raise a child. *Peabody Journal of Education*. Vol. 71:1. Hal. 57-63. [https://www.jstor.org/stable/1492552?seq=1#page\\_scan\\_tab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/1492552?seq=1#page_scan_tab_contents) (diakses pada 30 Julai 2018).
- Muhammad Abdul Khalid, Zouhair Rosli, Siti Nur Fatimahtul Maryam Abdul Halim & Endie Shazlie Akbar. 2018. *Kanak-kanak Pinggiran*. <https://www.unicef.org/malaysia/UNICEF-ChildrenWithout-Malay.pdf> (diakses pada 30 Julai 2018).
- Mutiara Hadis Universiti Teknologi Mara. Hadis Sahih Bukhari Jilid 2. Hadis Nombor 0759. <http://sigir.uitm.edu.my/webhadis/dapatQH.php?bukhari=1&majjah=1&mula=0&pmula=1&dan=1&akar=kayu+bakar+di+atas+punggungnya&go=Cari> (diakses pada 14 Ogos 2018).
- Mutiara Hadis Universiti Teknologi Mara. Hadis Sahih Muslim Jilid 2. Hadis Nombor 1000. <http://sigir.uitm.edu.my/webhadis/dapatQH.php?bukhari=1&muslim=1&mul=a=0&pmula=1&dan=1&akar=Tabiat+suka+meminta-minta+&go=Cari> (diakses pada 14 Ogos 2018).
- Nadeau, C. A. 2017. *Living Wage Calculator User's Guide / Technical Notes*. <http://livingwage.mit.edu/resources/Living-Wage-User-Guide-and-Technical-Notes-2017.pdf> (diakses pada 2 Ogos 2018).
- Ozmucur, S. dan Pamuk, S. 2002. Real wages and standards of living in the Ottoman Empire, 1489-1914. *The Journal of Economic History*. Vol. 62:2. Hal. 293-321. doi:10.1017/S0022050702000517.
- Pamuk, S. dan Shatzmiller, M. 2014. Plagues, wages, and economic change in the Islamic middle east, 700-1500. *The Journal of Economic History*. Vol. 17:1. Hal. 196-229. doi:10.1017/S0022050714000072.
- Parker, J., Arrowsmith, J., Fells, R., dan Prowse, P. 2016. The living wage: concepts, contexts and future concerns. *Labour & Industry: a journal of social and economic relations of work*. Vol. 26:1. Hal. 1-7. <https://doi.org/10.1080/10301763.2016.1154671>.
- The World Bank. 2017. *Bangladesh Continues to Reduce Poverty But at Slower Pace*. <https://www.worldbank.org/en/news/feature/2017/10/24/bangladesh-continues-to-reduce-poverty-but-at-slower-pace> (diakses pada 9 Ogos 2018).
- Unit Perancang Ekonomi. n.d. *Jadual 7: Insiden Kemiskinan Mengikut Kumpulan Etnik, Strata dan Negeri, Malaysia, 1970-2016*. <http://www.epu.gov.my/sites/default/files/Jadual%207%20->

%20Insiden%20Kemiskinan%20Mengikut%20Kumpulan%20Etnik%2C%20Strata%20dan%20Negeri%2C%20Malaysia%2C%201970-2016\_0.pdf (diakses pada 8 Ogos 2018).

United States Census Bureau. 2018. *U.S. and World Population Clock*. <https://www.census.gov/popclock/world> (diakses pada 23 Mei 2018).

Yap, Mui Teng. 2003. Fertility and population policy: the singapore experience. *Journal of Population and Social Security (Population)*. Supplement to Volume 1. Hal. 643-658. [http://www.ipss.go.jp/webjad/webjournal.files/population/2003\\_6/24.yap.pdf](http://www.ipss.go.jp/webjad/webjournal.files/population/2003_6/24.yap.pdf) (diakses pada 7 Ogos 2018).

Yusuf al-Qardawi. 2005. *Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia.